



TEMA 4: PERPADUAN

Toleransi Kukuhkan Perpaduan

Aktiviti 1

Bersoal jawab untuk mendapatkan maklumat.

Mari Kita Sertai



Kursus Penciptaan Pantun

Tarikh: 16 Jun 20□□

Masa: 2:30 petang hingga 5:00 petang

Tempat: Makmal Komputer, SK Perdana

Anjuran: Persatuan Bahasa Melayu, SK Perdana

- Terbuka kepada semua murid Tahun 3.
- Kursus penciptaan pantun akan disampaikan oleh Cikgu Zainal bin Ismail.
- Murid yang berminat, sila hubungi Cikgu Suhaila binti Johan.

Imran berjumpa dengan rakan-rakannya.

Imran: Rakan-rakan, saya mendapat maklumat tentang Kursus Penciptaan Pantun.

Kiran: Wah, menariknya! Pantun ialah budaya orang Melayu yang cukup diminati oleh semua kaum di Malaysia. Bilakah _____?

Imran: Kursus Penciptaan Pantun akan diadakan _____.

Li Kiang: Siapakah _____?

Imran: Cikgu Zainal yang akan mengajarkan kursus ini.

Epis: _____?

Imran: Kamu perlu menghubungi Cikgu Suhaila untuk mendaftar.

Epis: Kiran, adakah kamu berminat untuk menyertainya?

Kiran: _____

Imran: Mengapakah kamu ingin menyertainya?

Li Kiang: _____

Bagaimanakah pula dengan kamu, Imran? Kamu hendak menyertainya?

Imran: Ya, saya dan Kiran akan menyertainya. Kursus ini sangat berfaedah kerana dapat memupuk semangat perpaduan antara kita.



- Minta murid melengkapkan maklumat yang diperolehi dalam ayat.

BT1: 62
1.2.3

